

PANDUAN PENDIDIKAN FLEKSIBEL DALAM PENAWARAN PROGRAM

Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020)

- **Bidang Fokus C: Memperkukuh Pembelajaran Sepanjang Hayat untuk Peningkatan Kemahiran**
Mengiktiraf Pengalaman / Pembelajaran Terdahulu
- **Bidang Fokus D: Menambah Baik Kualiti Pendidikan untuk Meningkatkan Outcome Pelajar dan Kecemerlangan Institusi**
Menggunakan Pembelajaran Dalam Talian bagi Memperluas Akses dan Menambah Baik Pengajaran dan Pembelajaran

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) (Pendidikan Tinggi)

- **Lonjakan 3: Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat**
- **Lonjakan 9: Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global**

PENDAHULUAN

Advisory note ini bertujuan untuk menerangkan konsep dan amalan baik pendidikan fleksibel yang merangkumi kepelbagaian dalam aspek penawaran program, kaedah pelaksanaan program, laluan kemasukan (*multi-entry*), laluan keluar (*multi-exit*), mobiliti pelajar melalui mekanisme pindah kredit dan kerjasama antara institusi.

LATAR BELAKANG

YB. Menteri Pendidikan Tinggi menerusi ucapan beliau sewaktu Majlis Amanat Tahun Baru 2016 menggalakkan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) supaya memikirkan tentang pelaksanaan pendidikan baru iaitu secara fleksibel yang mana ia tidak terikat dengan kaedah tradisional. Ini kerana kepelbagaian kaedah pembelajaran yang dilalui oleh pelajar dapat menyumbang ke arah pelajar yang lebih holistik.

Selain itu, pendidikan fleksibel telah disokong menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) (Pendidikan Tinggi) dan Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020) melalui inisiatif Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global.

Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) dengan kerjasama *Association of Quality Assurance Agencies of the Islamic World* (IQA) telah menganjurkan seminar antarabangsa “*The Millennials Education: Quality Assurance in The Age of Flexible Education*” pada 17-18 Oktober 2016 bagi membincangkan kerangka pendidikan fleksibel dengan lebih mendalam.

Advisory note ini merupakan inisiatif MQA dalam menyediakan panduan yang sewajarnya kepada PPT.

DEFINISI

Pendidikan fleksibel merupakan sistem pendidikan yang responsif kepada tempoh, tempat dan kaedah pembelajaran. Ia turut disokong oleh teknologi dalam penawaran sesuatu program pengajian (*teaching-enhanced learning*, TEL).

MATLAMAT PENDIDIKAN FLEKSIBEL

Matlamat pendidikan fleksibel adalah seperti berikut:

1. Mengelakkan duplikasi masa pembelajaran;
2. Ruang, masa dan tempat pengajaran dan pembelajaran tidak terhad;
3. Kepelbagaian capaian akses dari segi maklumat dan kemudahan pembelajaran; dan
4. Kepelbagaian kaedah penyampaian pengajaran dan pembelajaran (P&P).

PELAKSANAAN PENDIDIKAN FLEKSIBEL

Dasar pendidikan negara yang dibangunkan sentiasa mengarah dan menyokong pendidikan secara fleksibel berdasarkan kepelbagaian aspek dalam pelaksanaannya seperti berikut:

1.0 Penawaran Program

Dalam aspek penawaran program, PPT juga boleh melaksanakan program seperti berikut:

- a. *Double Major* - dilaksanakan melalui penggabungan dua bidang utama pengajian daripada dua disiplin yang berbeza atau sama dalam satu kelayakan. Ini membolehkan pelajar dianugerahkan satu kelayakan dalam dua bidang.
- b. *Major-Minor* - dilaksanakan melalui penggabungan satu bidang utama dan satu bidang minor daripada bidang yang lain. Ini membolehkan pelajar dianugerahkan satu kelayakan yang mempunyai dua bidang yang berbeza.
- c. *Major dengan Pengkhususan* - dilaksanakan dalam suatu bidang utama pengajian yang terdiri daripada pengkhususan tertentu yang membolehkan pelajar dianugerahkan satu kelayakan dalam bidang atau disiplin yang sama.
- d. *Double Degree* - dilaksanakan dalam dua bidang yang berbeza atau sama. Ini membolehkan pelajar mendapat penganugerahan dalam dua bidang.

PPT yang berhasrat untuk melaksanakan program secara *double major*, *major-minor*, *major dengan pengkhususan* dan *double degree* boleh merujuk kepada

Kompilasi Dasar di laman sesawang MQA. Dokumen lain yang boleh dirujuk adalah **Malaysian Qualifications Framework (MQF)** dan **Garis Panduan Amalan Baik: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum**.

2.0 Kaedah Pelaksanaan Program

Selain daripada pelaksanaan program secara konvensional, PPT juga boleh melaksanakan program secara Pengajian Jarak Jauh (*Open and Distance Learning, ODL*) dan juga campuran antara konvensional dan ODL yang turut dipanggil *blended learning* seperti berikut:

- a. Kaedah pembelajaran dan pengajaran secara jarak jauh (*Open and Distance Learning, ODL*) dengan menggunakan aplikasi *online* - PPT yang menawarkan kaedah ini perlu menyediakan pusat wilayah bagi tujuan memudahkan aktiviti bersemuka antara pelajar dan pensyarah.
- b. Kaedah Konvensional dan ODL (*blended learning*) - Kaedah ini dilaksanakan melalui penawaran beberapa kursus pengajian yang dikendalikan dengan menggunakan kaedah bersemuka secara fizikal dan secara maya (*online*).

PPT boleh merujuk **Kod Amalan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh** bagi pelaksanaan penawaran program secara ODL. PPT juga boleh merujuk **Garis Panduan Amalan Baik Work Based Learning (WBL)** yang mana WBL ini boleh dilaksanakan bagi semua kaedah penawaran program.

Kedua-dua dokumen boleh diakses di laman sesawang MQA.

3.0 Laluan Kemasukan (*Multi-Entry*)

- 3.1 PPT juga boleh mengambil pelajar menggunakan kemasukan melalui pengiktirafan pembelajaran terdahulu atau **Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)** selain daripada kemasukan secara konvensional.

Melalui kemasukan menerusi laluan APEL, pelajar yang tidak mempunyai kelayakan secara formal atau tidak cukup kelayakan untuk memasuki sesuatu bidang pengajian boleh mengikuti laluan APEL berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan sebelum diterima masuk ke peringkat pengajian yang bersesuaian seperti berikut:

Kemasukan ke Tahap 3, MQF (Sijil)

Calon hendaklah berumur 19 tahun ke atas pada tahun permohonan dibuat serta memiliki pengalaman kerja yang berkaitan.

Kemasukan ke Tahap 4, MQF (Diploma)

Calon hendaklah berumur 20 tahun ke atas pada tahun permohonan dibuat serta memiliki pengalaman kerja yang berkaitan.

Kemasukan ke Tahap 6, MQF (Ijazah Sarjana Muda)

Calon hendaklah berumur 21 tahun ke atas pada tahun permohonan dibuat serta memiliki pengalaman kerja yang berkaitan.

Kemasukan ke Tahap 7, MQF (Ijazah Sarjana)

Calon hendaklah berumur 30 tahun ke atas pada tahun permohonan dibuat, memiliki sekurang-kurangnya STPM / diploma / setara (sebagai contoh, program asasi) dengan pengalaman kerja yang berkaitan.

Selain daripada syarat yang dinyatakan di atas, pelajar juga perlu lulus ujian kebolehan (*aptitude test*) dan penilaian portfolio yang dijalankan oleh MQA.

Pelajar boleh membuat permohonan secara *online* di laman sesawang MQA atau hadir terus ke MQA.

Tiada had kuota kemasukan pelajar menerusi laluan APEL. Kuota kemasukan 5% menerusi laluan APEL telah dimansuhkan pada 23 Februari 2016 dan kemasukan ke ijazah sarjana (Tahap 7, MQF) kini terbuka kepada semua bidang pengajian. Buat masa ini, kemasukan menggunakan laluan APEL hanya terbuka kepada pelajar warganegara Malaysia sahaja.

3.2 Selain daripada itu, PPT boleh menggunakan syarat **kesetaraan dengan kelayakan tempatan** bagi kelayakan masuk pelajar antarabangsa.

Senarai kesetaraan kelayakan antarabangsa boleh dirujuk di laman sesawang MQA.

4.0 Laluan Keluar (*Multi-Exit*)

PPT boleh menganugerahkan suatu kelayakan berdasarkan tahap yang sama dalam tahap *Malaysian Qualifications Framework* (MQF), sekiranya pelajar berhenti atau tidak dapat mencukupkan kredit bergraduasi. Ini dapat dilaksanakan seperti berikut:

- a. Tahap 6, MQF iaitu Sijil Siswazah (30 kredit), Diploma Siswazah (60 kredit) dan Ijazah Sarjana Muda (120 kredit).
- b. Tahap 7, MQF iaitu Sijil Pascasiswazah (20 kredit), Diploma Pascasiswazah (30 kredit) dan Ijazah Sarjana (40 kredit).

Contohnya:

Jika pelajar mendaftar untuk mengikuti program ijazah sarjana muda (Tahap 6, MQF) iaitu 120 kredit tetapi berhenti/ menamatkan pengajian tersebut dengan kredit terkumpul sebanyak 60 kredit daripada 120 kredit maka pelajar tersebut boleh dianugerahkan diploma siswazah (Tahap 6, MQF) iaitu 60 kredit.

Prinsip yang sama juga boleh diguna pakai bagi mana-mana kelayakan di Tahap 7, MQF. Walau bagaimanapun, PPT perlu mempunyai kelulusan penawaran program bagi setiap kelayakan tersebut.

PPT boleh merujuk pelaksanaan seperti ini melalui dokumen **Standard Sijil Siswazah dan Diploma Siswazah** yang boleh diakses di laman sesawang MQA.

5.0 Mobiliti Pelajar Melalui Mekanisma Pindah Kredit

5.1 Secara amalnya, prinsip pindah kredit boleh dilaksanakan berdasarkan dua kategori seperti berikut:

- i. **Vertical** – pemindahan kredit daripada peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi seperti sijil ke diploma/diploma ke ijazah sarjana muda.
- ii. **Horizontal** – pemindahan kredit daripada program di tahap kelayakan yang sama seperti daripada sijil ke sijil/diploma ke diploma/ijazah sarjana muda ke ijazah sarjana muda.

5.2 PPT hendaklah melaksanakan pemindahan kredit berasaskan kepada pemetaan mata pelajaran (*subject to subject mapping*). Syarat umum pindah kredit adalah seperti berikut:

- i. Gred lulus – gred minimum iaitu gred C;
- ii. Nilai kredit – sama dengan kurikulum kursus di IPT penerima;
- iii. Kesetaraan kurikulum kursus – tidak kurang 80%; dan
- iv. Mata pelajaran yang boleh dipindahkan kredit hendaklah daripada program yang telah mendapat Perakuan Akreditasi/pengiktirafan dari badan jaminan kualiti negara berkenaan.

5.3 Maklumat berkaitan dengan pemindahan kredit seperti di perkara berikut boleh dirujuk di laman sesawang MQA:

- i. Kompilasi Dasar;
- ii. Program Pemindahan Ijazah (*Degree Transfer Programme, DTP*) melalui Surat Pekeliling MQA Bil.2/2015 bertarikh 23 September 2015;
- iii. Surat Pemakluman Berkaitan Dasar Pindah Kredit bertarikh 23 Mei 2016 dari Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT);

- iv. Surat Pemakluman Penambahbaikan Dasar Pindah Kredit bertarikh 19 September 2016;
- v. Garis Panduan Amalan Baik Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu Bagi Tujuan Penganugerahan Kredit [APEL (C)]; dan
- vi. Garis Panduan Pindah Kredit *Massive Open Online Courses* (MOOC).

6.0 Kerjasama Antara Institusi

Terdapat beberapa kaedah penawaran program yang boleh dilaksanakan melalui kerjasama antara institusi seperti berikut:

- a. Program *joint award* dilaksanakan melalui kerjasama antara dua atau lebih institusi yang membangunkan kurikulum program pengajian. PPT yang ingin melaksanakan *joint award* perlu memastikan bahawa skrol yang diterima oleh pelajar mempunyai logo/tandatangan PPT yang mengesahkan jalinan kerjasama dalam penganugerahan sesuatu kelayakan.
- b. Penawaran program secara kerjasama boleh dilaksanakan antara PPT tempatan atau luar negara. Variasi kerjasama boleh dilaksanakan seperti 2+1, 2+2, 3+0, 4+0 dan lain-lain.



Agensi Kelayakan Malaysia
Malaysian Qualifications Agency